

جurnal فنديقر اسلام
Jurnal
**PENDIDIKAN
ISLĀM**

Jilid 12 Bil. 1 Julai 2006/ Jamadilakhir 1427H ISSN 0127-5-153 Harga RM10.00

Ketua Perunding
GHAZALIBASRI

Ketua Pengarang
ROSNANIHASHIM

Sidang Pengarang
Abdul Rahman Karem (UPSI)
Ahmad Mohammad Said (KDH)
Khadijah Zon (USM)
Khalijah Salleh (UKM)
Mastura Badzis (UIAM)
Tajul Nordin Ariffin (UKM)

Terbitan :
YAYASAN TAKMIR - PENDIDIKAN
Kompleks Dar al-Hikmah
Lot 1662 Sg. Ramal Dalam
43000 Kajang, Selangor
Tel/Fax: 03-89265853/89263213
E-mail: yayasantakmir_pondidikan@yahoo.com

JURNAL PENDIDIKAN ISLAM

Kepada Penyumbang Karya

Jurnal Pendidikan Islam ialah sebuah jurnal akademik dwibahasa yang diterbitkan dua kali setahun. Ia memberi tumpuan kepada isu penyelidikan, amalan dan teori pendidikan dari perspektif Islam. Sebarang artikel yang diterima untuk penerbitan hendaklah memenuhi panduan berikut:

- Karya asli dan tidak pernah diterbitkan atau telah diserahkan untuk penerbitan dalam jurnal lain.
- Dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dengan abstrak sepanjang 150 - 200 perkataan.
- Ditaip langkau dua baris, saiz font 12 Times New Roman dan pada sebelah halaman sahaja dengan menggunakan Word. Panjang artikel di antara 18 hingga 25 halaman dan ulasan buku 5 halaman maksimum.
- Nama penuh penulis, universiti atau profesion, alamat, nombor telefon, fak, e-mail dan biografi ringkas yang terkini hendaklah disertakan dalam kertas berasingan.
- Semua maklumat bibliografi hendaklah dicatat mengikut stail rasmi University of Chicago Manual of Style atau American Psychological Association (APA).
- Serahkan artikel dan satu salinan dalam disket/cd atau diemel kepada Ketua Pengarang.

Alamatkan manuskrip kepada:
Ketua Pengarang Jurnal Pendidikan Islam
Kompleks Dar al-Hikmah
Lot 1662 Sg. Ramal Dalam
43000 Kajang, Selangor
atau emel kepada: rosnani@iiu.edu.my

Langganan Jurnal

Langganan setahun
Institusi RM40.00 Individu RM20.00

Alamatkan maklumat pelanggan dan langganan (cek/wang pos) kepada:
Langganan JPI / Yayasan Takmir-Pendidikan
Kompleks Dar al-Hikmah
Lot 1662 Sg. Ramal Dalam
43000 Kajang, Selangor

KELESUAN BERFIKIR DI KALANGAN PELAJAR

Akal dan pemikiran tidak dapat dipisahkan. Akal dan juga insan tidak dapat dipisahkan kerana si insan bergelar insan disebabkan anugerah akal itu jua. Justeru, idealnya, insan tidak dapat dipisahkan daripada sifat berfikir. Ini sudah sewajarnya menjadi satu keperluan sebab dalam menempuh jalan kehidupan insan dihadapkan dengan pelbagai suasana, situasi dan permasalahan yang baru, lebih sukar dan mencabar. Oleh yang demikian, memang tidak hairanlah jika pengasahan akal untuk melahirkan insan yang dapat berfikir dengan tajam dan bijaksana menjadi satu matlamat atau teras yang ingin dicapai melalui pendidikan. Bahkan, berbanding dengan matlamat pendidikan untuk pengembangan potensi individu seperti jasmani dan emosi, dan kepentingan kelanjutan masyarakat seperti penyaluran nilai, budaya dan sebagainya, pengembangan akal terletak di atas sekali dalam susunan hirarki matlamat ini. Perkara ini turut ditegaskan oleh sarjana Islam ulung seperti al-Farabi dan Ibn Sina dalam karya mereka seperti *Madinah al-Fadhilah* dan *Qanun fil Tibb*. Paling penting, perkara ini turut ditegaskan oleh Pencipta kita sendiri dalam firmannya yang termaktub dalam al-Qur'an yang mengajak insan berfikir tentang kejadian pada alam sekitarnya (umpamanya lihatlah pada burung, unta, matahari, bulan, bintang, bukit-bukau, pohon kayu, kapal di lautan, lebah dan rumahnya, labah-labah dan lembu), khususnya pada asal-usul kejadian dan kerapian tubuh badannya.

Kenapa ditegaskan supaya kita mempunyai budaya berfikir? Apa perlunya kita mempunyai pemikiran kritis? Adakah pemikiran kritis sekadar untuk mencari-cari kesalahan hujjah seseorang, kelemahan pertubuhan, masyarakat, kepemimpinan, pentadbiran atau sistem? Dalam kontek Islam, berfikir mempunyai pertalian dengan dhikr dan natijahnya, kedua-dua perbuatan ini akan mengembalikan seseorang individu itu kepada Allah SWT. Berfikir tentang sesuatu masalah adalah pencetus kepada penyelidikan yang merupakan satu aspek epistemologi yang ingin meneroka ilmu baru. Betapa ramai di kalangan cendekiawan mahupun saintis kita yang melakukan penyelidikan tetapi berakhir dengan kerugian (*khusrin*) apabila hasil penyelidikan tersebut tidak berjaya memperlihatkan Pencipta 'ayat-ayat' yang mereka 'baca' itu kepada diri mereka. Inilah satu perkara sesia yang paling besar. Justeru, budaya berfikir yang jitu dapat mengukuhkan keimanan seseorang selain daripada meraih penyelesaian kepada sesuatu permasalahan yang membuntukan itu.

Adakah pendidikan formal di sekolah rendah, sekolah menengah mahupun universiti menyediakan ruang untuk matlamat murni ini? Kita tidak nafikan bahawa sekolah membekalkan anak kita dengan buku teks, guru dan kini dengan teknologi komunikasi dan maklumat sebagai sumber ilmu. Memang anak kita mendapat banyak fakta daripada sumber-sumber ini yang akhirnya dicerakinkan, dihadamkan, dihafazkan, dan diluahkan dalam peperiksaan. Tetapi dapatkah anak kita banyak ilmu dan budaya berfikir apabila yang dikejar oleh kebanyakan guru, pengetua, ibu bapa adalah menghabiskan sukatan pelajaran dan memberi kemahiran kefasihan untuk menjawab soalan peperiksaan? Memang mereka boleh berfikir tetapi bila berhadapan dengan situasi yang pernah mereka hadapi sahaja sebab mereka dilatih untuk menjawab soalan dalam peperiksaan. Cubalah diberi situasi yang amat berbeza sekali, cuma segelintir yang benar-benar bijak sahaja yang boleh menanganinya. Bagaimanakah kita tahu bahawa pelajar itu sememangnya telah mempunyai budaya berfikir? Manifestasinya ialah kesungguhan dan kerajinan mereka bertanya. Ini bersesuaian dengan kata-kata hikmat yang disabitkan kepada Saiyidina Ali (krw), iaitu, Ilmu ibarat sebuah gedung. Kunci kepada gedung itu adalah dengan bertanya. Malangnya pelajar kita lebih giat menjawab soalan guru atau buku teks daripada mengemukakan soalan kepada gurunya.

Perkara ini perlu kita berikan perhatian khususnya di sekolah rendah Islam (SERI) dan juga taman asuhan kanak-kanak Islam (TASKI). Biarlah generasi muda ini dilatih supaya mempunyai budaya berfikir sejak kecil lagi sebab apabila budaya ini telah disemai pada usia yang muda, ia akan menjadi satu kebiasaan atau tabiat yang sukar dilekangkan daripada mereka. Dan apabila dipupuk dengan aqidah Islam, maka budaya berfikir mereka lebih cantik dan kemas. Dalam kontek ini ada banyak kaedah yang telah diusahakan oleh sarjana dari Barat untuk merangsang daya berfikir generasi muda mereka seperti kaedah pemikiran *lateral* yang dipelopori oleh de Bono. Bagaimana pun ada satu kaedah yang bertunjangkan falsafah, yang dipelopori oleh seorang ahli falsafah bernama Lipman, yang kurang dikenali tetapi sudah pun mula mengakar di merata dunia kerana keserasiannya dengan murid sekolah. Kaedah ini juga mengutamakan bahasa dalam membantu pemikiran dan bersesuaian dengan Surah al-Rahman (55: 1-4): *Al-Rahman, yang telah mengajarkan al-Qur'an. Dia menciptakan manusia, mengajarnya pandai berbicara (intelekt).*" Kaedah ini telah dikaji dan dicuba di sini dan artikel tulisan Rosnani membincangkannya dengan lebih mendalam.

Tetapi sebagai golongan Muslimin, kita harus sedar bahawa budaya berfikir itu tidak cukup dengan sekadar menggunakan kaedah berfikir kritis sahaja.

Seperti anggota “haiwan” yang lain, insan juga mempunyai dorongan nafsu untuk berkelamin, bergembira, berseronokan, berpesta-pestaan sehingga akhirnya, akal yang pada adabnya wajar membimbing nafsu atau menguasainya, tetapi sebaliknya dikuasai pula oleh nafsu. Apabila ini berlaku, semakin sukarlah untuk insan itu berfikir dengan jelas dan lurus. Semuanya semakin kabur. Ini dikukuhkan lagi oleh azam Iblis untuk mengganggu insan selagi hayat dikandung badan, sehingga ke akhir zaman setelah mendapat permit daripada Yang Maha Esa. Justeru, insan muslimin wajar dilengkapkan dengan perisai dari serangan waswas golongan jin dan manusia. Perisai tersebut adalah sentiasa membasahi lisan dengan ingat kepada Allah SWT., atau kata lain berdhikir kepadanya sama ada dalam sembahyang, berpuasa, berwirid atau lain-lain bentuk ibadah. Perisai ini dapat membantu akal menjinakkan nafsu dan sentiasa membuat insan itu berlaku adil terhadap dirinya dan masyarakatnya. Adalah menjadi harapan kita untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai daya berfikir yang tinggi di samping aqidah yang mantap supaya mereka tidak akan terjebak dalam masalah sosial yang begitu ketara hari ini. Biarlah mereka memahami prinsip-prinsip al-Qur’an dan kemudiannya diajar untuk mengaplikasikannya dengan penuh bijaksana setelah sesuatu isu itu dianalisis mengikut kontek atau keadaan. Guru-guru dan pentadbir sekolah harus juga mempamerkan model berfikir yang baik kepada murid. Mungkin pendedahan kepada falsafah moral dapat membantu mereka mengaplikasi akal di samping bimbingan dari prinsip agama dalam memecah kebuntuan moral dan menganalisis isu-isu sosial, budaya, ekonomi dan politik dalam negara dengan bijaksana sekali. Kepimpinan sekolah wajar mewujudkan budaya yang bersifat terbuka, sedia mendengar dan berbincang sama ada sesama guru mahu pun guru dan pelajar dan menghormati setiap individu sebagai insan yang mempunyai karamah.

KETUA PENGARANG

Senarai Penyumbang (*Contributors*)

Dr. Abdul Halim Tamuri

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
abhalim@pkrisc.cc.ukm.my

Ust. Mahyuddin Ashaari

Yayasan Takmir Pendidikan (ABIM)
Sg. Ramal Dalam
Kajang, Selangor

Pn. Masribanun Duki

GPK (KoKurikulum)
SMK Sultan Sulaiman Shah
Batang Berjuntai, Selangor

Dr. Mastura Badzis

Institut Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
bmastura@iiu.edu.my

En. Mohd Rashid bin Mohd Saad

Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
msmrashid2004@yahoo.com

Dr. Norazmah Othman

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
lin@ukm.my

Prof. Dr. Rosnani Hashim

Institut Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
rosnani@iiu.edu.my

Transliterasi (*Transliteration*)

| Huruf Arab (<i>Arabic Letter</i>) | Huruf Roman/ Simbol (<i>Roman Letter</i>) | Huruf Arab (<i>Arabic Letter</i>) | Huruf Roman/ Simbol (<i>Roman Letter</i>) |
|--|---|--|---|
| ء | . | ع | c |
| ب | b | غ | gh |
| ن | t | ف | f |
| ث | th | ق | q |
| ج | j | ك | k |
| ح | h | ل | l |
| خ | kh | م | m |
| د | d | ن | n |
| ذ | dh | ر | w |
| ر | r | ه | h |
| ز | z | ة | t |
| س | s | ي | y |
| ش | sh | Long Vowels | |
| ص | ṣ | اَ | ā |
| ض | ḍ | وُ | ū |
| ط | ṭ | يَ | ī |